



Ruj. Kami : JPNJ.600-3/3/10 Jld. 2 (58)
Tarikh : 9 September 2025

Pengarah Pendidikan Negeri

Jabatan Pendidikan Negeri seperti di lampiran

YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM KEJOHANAN BOLA SEPAK DAN BOLA JARING BAWAH 12 TAHUN PIALA YB ONN ABU BAKAR, PARLIMEN BATU PAHAT PERINGKAT KEBANGSAAN 2025 ANJURAN SK TEMENGGONG IBRAHIM PENGGARAM, BATU PAHAT, JOHOR

Dengan segala hormatnya dimaklumkan SK Temenggong Ibrahim Penggaram, Batu Pahat, Johor akan menganjurkan program di atas dan mendapat kelulusan penganjuran daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi surat bernombor rujukan **KPM.600-5/6/2 Jld. 28 (10) bertarikh 4 September 2025.**

2. Sehubungan dengan itu, jabatan ini bersama penganjur program amat berbesar hati menjemput sekolah-sekolah YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan seperti di lampiran untuk menyertai program ini sebagaimana ketetapan yang berikut:

2.1 Tarikh : 22 November 2025

2.2 Tempat : Padang, SK Temenggong Ibrahim Penggaram, Johor

3. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan **Puan Noraishah binti Ithnin**, GPK Kokurikulum, di talian **019-7976440** atau **Encik Isfandi Adi bin Ahmad**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, di talian **07-2311481**.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k. :
1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 2. Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Batu Pahat
 3. Guru Besar, SK Temenggong Ibrahim Penggaram

SENARAI EDARAN

- 1. Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Beruang
75450 Melaka
- 2. Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban
Negeri Sembilan
- 3. Pengarah**
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E
Seksyen 4
40604 Shah Alam
Selangor
- 4. Pengarah**
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2
Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E
62604 Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SK Temenggong Ibrahim Penggaram ,
No 32 Jalan Limpoon,
83000, Batu Pahat, Johor

No. Telefon : 07- 4323500
No. Fax : 07- 4323500
Emel : sktip_batupahat@yahoo.com

Ruj. Kami : SKTIP.600-3/5/6
Tarikh : 08 September 2025

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Susur 7, Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
(up : Unit Pembangunan Bakat Murid)

Tuan,

**PERMOHONAN HEBAHAN JEMPUTAN KEJOHANAN BOLA SEPAK & BOLA JARING
BAWAH 12 TAHUN PIALA YB ONN ABU BAKAR, PARLIMEN BATU PAHAT PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, SK Temenggong Ibrahim Penggaram, Batu Pahat Johor bersama Persatuan Ibu Bapa & Guru akan menganjurkan kejohanan berdasarkan butiran berikut : -

Program	: Kejohanan Bola Sepak & Bola Jaring Bawah 12 Tahun Piala YB Onn Abu Bakar , Parlimen Batu Pahat Peringkat Kebangsaan 2025
Tarikh	: 22 November 2025
Hari	: Sabtu
Masa	: 8.00 pagi – 5.30 petang
Tempat	: Padang , Sk Temenggong Ibrahim Penggaram

3. Pihak kami memohon pihak tuan untuk membuat hebahan kepada sekolah yang terlibat (seperti lampiran). Sebarang pertanyaan, berhubung perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan Pn Noraishah binti Ithnin, Guru Penolong Kanan Kokurikulum di talian 019-7976440. Kerjasama dan keperihatinan tuan, amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
NORAZMI BIN MOHD@MOHAMED

Guru Besar

SK Temenggong Ibrahim Penggaram

SENARAI EDARAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

- 1 Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol
4/3e Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p : Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid)

- 2 Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70551 Seremban
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
(u.p : Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid)

- 3 Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Susur 7, Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
(up : Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid)

- 4 Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, 75450 Bukit Beruang
MELAKA
(up : Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid)

- 5 Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2
Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E
62604, Putrajaya
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

MAKLUMAT PENYERTAAN

A. PASUKAN BOLA SEPAK

Bil	Nama Sekolah	Jumlah Murid
1	JOHOR	
	1.1 SK Temenggong Ibrahim Penggaram	10 orang
	1.2 SK Seri Intan	10 orang
	1.3 SK Dato' Onn Jaafar	10 orang
	1.4 SK Montfort	10 orang
	1.5 SK LKTP Ayer Hitam	10 orang
	1.6 SK Kota Masai	10 orang
	1.7 SK Bandar	10 orang
	1.8 SK Kota Masai 3	10 orang
	1.9 SK Bukit Soga	10 orang
	1.10 SK Dato' Syed Zain	10 orang
	1.11 SK Bukit Rahmat	10 orang
	1.12 SK Seri Pasir	10 orang
	1.13 Sek Rendah Agama Bersepadu	10 orang
	1.14 SK Taman Cendana	10 orang
2	SELANGOR	
	2.1 SK Bandar Rinching	10 orang
	2.2 SJKT Ladang Riching	10 orang
	2.3 SK Raja Muda	10 orang
	2.4 SK Taman Pelangi	10 orang
3	NEGERI SEMBILAN	
	3.1 SK Seri Kelana	10 orang
	3.2 SK Lukut	10 orang
	JUMLAH	200 orang

- 20 sekolah (20 pasukan)

B. PASUKAN BOLA JARING

Bil	Nama Sekolah	Jumlah Murid
1	JOHOR	
	1.1 SK Temenggong Ibrahim Penggaram	10 orang
	1.2 SK Seri Intan	10 orang
	1.3 SK Dato' Onn Jaafar	10 orang
	1.4 SK Kota Masai	10 orang
	1.5 SK Bandar	10 orang
	1.6 SK Dato' Syed Zain	10 orang
	1.7 SK LKTP Ayer Hitam	10 orang
	1.8 SK Seri Pasir	10 orang
	1.9 SK Bukit Soga	10 orang
	1.10 SK Senggarang	10 orang
	1.11 SK Bukit Rahmat	10 orang
	1.12 SK Banang Jaya	10 orang
2	SELANGOR	
	2.1 SK Puchong Indah	10 orang
	2.2 SK Raja Muda	10 orang
3	MELAKA	
	3.1 SK Seri Bandar	10 orang
	3.2 SK Sungai Rambai	10 orang
	JUMLAH	160 orang

C. 16 sekolah (16 pasukan)

**PERATURAN PERTANDINGAN BOLA SEPAK
MAJLIS SUKAN SEKOLAH – SEKOLAH MALAYSIA
(KEJOHANAN BOLA SEPAK BAWAH 12 TAHUN 2025)**

1. UNDANG – UNDANG PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan mengikut Undang – Undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Peraturan–Peraturan Am MSSM **SERTA** Peraturan Pengelola Pertandingan.

2. JENIS PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan berpasukan antara MSS Negeri peringkat umur 12 tahun ke bawah lelaki.
- 2.2 Tempoh permainan

Pusingan Kumpulan	:	7 : 1 : 7 MINIT
Suku Akhir	:	10 : 1 : 10 MINIT
Sepuluh Akhir, Tempat Ke-3 & 4	:	10 : 1 : 10 MINIT
Pertandingan Akhir	:	15 : 1 : 15 MINIT

3. PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Setiap pasukan terdiri tidak lebih daripada 12 orang pemain terdiri daripada 7 orang dengan 5 orang pemain ganti.
- 3.2 Bagi penyertaan berpasukan bawah 12 tahun, ianya adalah terbuka kepada murid yang bersekolah sepenuh masa disekolah rendah adalah layak menyertai pertandingan ini.

4. SISTEM PERTANDINGAN

Sistem pertandingan dijalankan secara liga dan cara kalah mati seperti berikut:-

- 4.1. Cara Liga Empat Kumpulan (20 Pasukan).
 - 4.1.1 Pusingan Pertama (Liga Dalam Kumpulan).
 - 4.1.1.1 1 kumpulan terdiri daripada 5 pasukan.
 - 4.1.1.2 Kedudukan dalam kumpulan akan diundi secara rawak (cabutan undi)
 - 4.1.2 Pusingan Suku Akhir (Peringkat Kalah Mati).
 - 4.1.2.1 Johan dan Naib Johan Kumpulan akan meneruskan perlawanan ke peringkat kalah mati.
 - 4.1.2.1

Johan A vs Naib Johan D	Johan W
Johan B vs Naib Johan C	Johan X
Johan C vs Naib Johan B	Johan Y
Johan D vs Naib Johan A	Johan Z

4.1.3. Pusingan Separuh Akhir (Kalah Mati).

4.1.3.1 Pemenang bagi perlawanan peringkat suku akhir akan meneruskan perlawanan ke peringkat separuh akhir dengan format kalah mati.

4.1.3.2

Johan W vs Johan X	Pemenang ke perlawanan akhir (tempat 1 & 2)
Johan Y vs Johan Z	Pasukan yang kalah ke perlawanan tempat ke-3 dan ke-4.

4.1.4 Pusingan Akhir

4.1.4.1 Pemenang bagi perlawanan Johan W vs Johan X dan Johan Y vs Johan Z, akan ke perlawanan akhir. Manakala pasukan yang kalah akan ke perlawanan tempat ke-3 dan ke-4.

5. CARA MENENTUKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

5.1 Secara Liga

Cara Memberi Mata

Menang	- 3 mata
Seri	- 1 mata
Kalah	- 0 mata

5.1.1. Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut :

5.1.2. Pasukan yang memperolehi perbezaan gol yang terbanyak akan dikira menang.

5.1.3. Jika masih seri, pasukan yang menjaringkan gol terbanyak dikira menang

5.1.4. Jika masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.

5.1.5. Jika masih seri, lambungan syiling akan dijalankan dengan keputusan 'best of three'.

5.2 Secara Kalah Mati

5.2.1 Bagi perlawanan secara kalah mati, jika kedudukan seri selepas masa penuh, langkah-langkah berikut akan dipatuhi untuk menentukan pemenangnya.

5.2.2 Perlawanan masa tambahan 5 minit akan diadakan setelah berehat 3 minit

5.2.3 Selepas 5 minit perlawanan separuh masa pertama, satu minit diberi untuk bertukar tempat dan perlawanan diteruskan.

5.2.4 Jika keputusan masih seri sepakan penalti akan dijalankan.

5.2.5 Jika sepakan penalti tidak dapat dijalankan kerana keadaan-keadaan lain tidak mengizinkan, maka lambungan syiling sebanyak 3 (tiga) kali hendaklah dijalankan

5.2.6 Sistem Sepakan (Penalti)

5.2.6.1 Tiap-tiap pasukan mengambil 5 sepakan penalti dari titik penalti dengan cara menyepak berselang-seli oleh 5 pemain bagi kedua-dua pasukan.

5.2.6.2 Jika masih seri, maka sepakan penalti hendaklah diteruskan oleh baki pemain dalam pasukan secara berselang-seli dengan sistem "Sudden death" sehingga keputusan diperolehi.

5.2.6.3 Pengadil akan memutuskan gol mana sepakan penalti dijalankan.

5.2.6.4 Pengadil hendaklah membuat undian dan pasukan yang menang akan membuat sepakan dahulu.

5.2.6.5 Hanya pemain-pemain yang layak (iaitu 7 pemain terakhir bagi setiap pasukan yang berada di dalam perlawanan semasa tiupan wisel terakhir masa tambahan masa ke-2 sahaja) layak menyertai perlawanan tersebut dibenarkan mengambil penalti.

5.2.6.6 Pemain-pemain yang akan mengambil sepakan penalti dan penjaga gol pasukan mestilah berada diluar garisan sepakan penalti.

5.2.6.7 Semua pemain lain hendaklah berada di garisan tengah padang.

5.2.6.8 Penjaga gol boleh ditukar pada bila-bila masa semasa sepakan penalti dijalankan (hanya terhad kepada 7 pemain terakhir bagi setiap pasukan yang berada di dalam perlawanan semasa tiupan wisel terakhir masa tambahan masa ke-2 sahaja).

6. PAKAIAN

Sila rujuk Undang-Undang Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan perkara-perkara berikut :-

6.1 Semua pemain dimestikan memakai kasut BOLA SEPAK, ber "shinpad" dan bersarung kaki panjang.

6.2 Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai kasut biasa atau kasut yang sesuai untuk permainan di padang bola sepak.

6.3 Setiap pasukan dikehendaki membawa sekurang-kurangnya 2 set jersi yang berlainan warna bagi setiap pasukan. Pemain memakai jersi yang bernombor di bahagian belakang dan di bahagian hadapan. Pemakaian nombor pemain hendaklah dikekalkan sehingga tamat kejohanan.

6.4 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengisytiharkan warna jersi masing-masing semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.'

6.5 Pertukaran warna jersi, jika berlaku, pemakaian jersi yang sama warna sebelum pertandingan oleh kedua-dua pasukan, **pasukan yang namanya tercatat dahulu dalam jadual perlawanan dikehendaki menukar jersi (home tukar baju dan away kekal).**

7. **GELANGGANG PERMAIN**

Sila rujuk Undang-Undang Bola Sepak Antarabangsa (FIFA)

7.1 Tiap-tiap gelanggang permainan hendaklah disediakan satu kawasan keselamatan di luar gelanggang permainan dengan ukuran sekurang-kurangnya 1 meter dari garisan tepi dan sekurang-kurangnya 2 meter dari garisan gol.

8. **ALATAN (BOLA)**

PERINGKAT UMUR	UKURAN	BERAT	SAIZ BOLA
Bawah 12	20-21cm	330 – 360 gm	Saiz 4

9. **KELEWATAN**

Hanya 10 minit akan diberi kepada sesuatu pasukan yang lewat. Selepas itu, pihak lawannya akan diberikan kemenangan dengan **3 mata** dan dengan bilangan **gol 3 – 0**.

10. **MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH**

10.1. Pasukan/Peserta yang telah mengesahkan persetujuan mengambil bahagian dalam sesuatu kejohanan tidak dibenarkan menarik diri. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada pasukan tersebut sekiranya melanggar peraturan ini.

10.2. Sekiranya ada pasukan/peserta menarik diri atau menyerah kalah dengan sengaja daripada pertandingan, semua keputusan pertandingan yang dimainkan oleh pasukan/peserta itu akan dibatalkan. Pasukan tersebut tidak dibenarkan menyertai perlawanan seterusnya dan tindakan tatatertib akan diambil ke atas pasukan yang berkenaan.

11. **KAD KUNING DAN KAD MERAH**

11.1 KAD KUNING

Jika seseorang pemain atau pegawai pasukan menerima satu kad kuning. Mereka masih boleh meneruskan permainan atau berada di Kawasan padang. Namun jika mereka menerima kad kuning ke-2 dalam perlawanan yang sama mereka akan dikenakan kad merah dan tidak boleh meneruskan permainan dan tidak boleh berada di Kawasan padang serta mereka akan digantung 1 perlawanan berikutnya.

11.1.1 TIGA KAD KUNING DALAM TIGA PERLAWANAN.

Pemain atau pegawai pasukan yang menerima 3 layangan kad kuning sebanyak 3 kali dalam 3 perlawanan akan digantung 1 perlawanan berikutnya.

11.1.2 KAD MERAH

Pemain atau pegawai pasukan yang menerima 1 layangan kad merah (straight red card) dalam satu perlawanan tidak akan dibenarkan untuk meneruskan perlawanan dan berada di Kawasan padang serta akan digantung 1 perlawanan berikutnya.

12. **BANTAHAN**

12.1 Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis.

12.2 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta atau sesuatu perlawanan yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta/pasukan tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut hendaklah diselesaikan 1 jam selepas menerima bantahan rasmi.

12.3 Bantahan berhubung dengan permainan dalam acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada

12.3.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara pusingan awal

12.3.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara peringkat akhir.

12.4. Semua bantahan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit : Dua Ratus sahaja). Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tidak berasas.

12.5 Keputusan Jawatankuasa Bantahan akan dibuat secara bertulis serta dimaklumkan kepada yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.

12.6 Keanggotaan Jawatankuasa Bantahan yang akan bersidang terdiri daripada:

12.6.1 Pengerusi Pengelola

12.6.2 Setiausaha J/K Pengelola Kejohanan

12.6.3 Pengerusi Teknik Pertandingan

12.6.4 3 orang Pengurus Pasukan berdaftar dan tidak terlibat dengan bantahan/kes tersebut.

13. **LEMBAGA JURI RAYUAN**

13.1 Juri Rayuan hendaklah terdiri daripada 5 orang (minimum) atau 7 orang (maksimum) .

13.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola / wakilnya

13.1.2 Penyelaras Permainan

13.1.3 Pengerusi Teknik Pertandingan

13.1.4 2 hingga 4 orang Pengurus Pasukan yang berdaftar yang tidak terlibat dalam Jawatankuasa Bantahan

13.1.5 Setiausaha J/K Pengelola Kejohanan - Ex-Officio

13.2. Juri Rayuan bertanggungjawab untuk

13.2.1. Mengambil tindakan mengenai disiplin pelajar, guru dan pegawai-pegawai kejohanan yang berkenaan bagi semua perkara kejohanan/pesta dijalankan seperti berikut:

13.2.1.1 Memberi amaran

13.2.1.2 Menggantung penyertaan bagi jangka masa tertentu

13.2.1.3 Menyingkirkan daripada keseluruhan kejohanan/pesta

13.2.1.4 Mengarahkan pemain dihantar pulang

13.2.1.5 Menghantar laporan kepada Setiausaha Agung MSSM supaya mengambil tindakan tatatertib sejajar dengan tindakan disiplin mengikut hukuman yang diguna pakai oleh Persatuan Sukan Kebangsaan.

13.2.2 .Bertanggungjawab membuat pelaporan mengenai peristiwa yang telah berlaku kepada urusetia MSSM secara lisan seberapa segera yang boleh dan secara bertulis selewat-lewatnya 14 hari selepas tamat kejohanan/pesta dengan membuat cadangan yang sewajarnya untuk tindakan lanjut.

13.2.3 Pegawai atau peserta yang digantung oleh sekolah, MSSD, MSSM Negeri kerana dikenakan tindakan tatatertib hendaklah dilaporkan kepada Persatuan Permainan yang berkenaan.

13.3 Keputusan Juri Rayuan akan dibuat secara bertulis serta dimaklumkan kepada yang berkenaan termasuk Lembaga Tatatertib dan keputusannya adalah muktamad.

14. **LEMBAGA TATATERTIB**
Sila rujuk Peraturan Am (14) **MSSM**.

15. **PERKARA – PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN** Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan yang berkenaan dan keputusan adalah **muktamad**

PERATURAN PERTANDINGAN BOLA JARING 7 SEBELAH

PERINGKAT KEBANGSAAN

PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang-undang Permainan

Akan dijalankan mengikut Undang- Undang Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa/ International Netball Federation (INF) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia/ Malaysia Netball Association (MNA).

PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut

SUKAN	ATLET(PEREMPUAN)	PEGAWAI	JUMLAH
BERPASUKAN	10	3	13

2.2 Sistem Pertandingan

2.2.1 Pertandingan dijalankan secara liga Kumpulan.

2.2.2 Mata kemenangan akan diberi seperti berikut:

Menang	2
Seri	1
Kalah	0

2.2.3 Pertukaran Pemain

2.2.3.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang kurangnya minimum 3 (tiga) orang pemain maksimum 5 (lima) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

2.2.4 Cara Memutuskan Keputusan Perlawanan (Liga)

2.2.4.1 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:

2.2.4.1.1 Purata gol akan menentukan kedudukan (iaitu: jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena).

2.2.4.1.2 Jika masih seri, maka perbezaan gol akan digunapakai (iaitu: jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena).

2.2.4.1.3 Jika masih seri, pasukan yang menjaring gol terbanyak diisytiharkan sebagai pemenang.

2.2.4.2 Pusingan Kalah Mati - Jika keputusannya berakhir dengan SERI pada peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir, maka keputusan pertandingan akan ditentukan seperti berikut:

2.2.4.2.1 Pertandingan disambung semula setelah berehat selama dua (2) minit.

2.2.4.2.2 Masa tambahan selama dua (2) x (5) minit dengan rehat satu (1) minit diantaranya.

2.2.4.2.3 Pasukan bertukar Kawasan Gol dan perlawanan dimulakan semula oleh pasukan yang berhak untuk Hantaran Tengah seterusnya.

2.2.4.2.4 Sekiranya berlaku seri di akhir masa tambahan permainan akan diteruskan sehingga satu pasukan mendapat dua (2) kelebihan gol.

2.2.5 Masa Bermain:

2.2.5.1 Peringkat Awal dan Pusingan Kedua : 5 minit x 1 minit x 5 minit

2.2.5.2 Pasukan hendaklah bertukar gol selepas separuh masa atau setiap suku masa permainan.

2.3 Kelewatan

2.3.1 Hanya 5 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 3 mata dan jaringan 10-0

PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Undang-undang INF.

3.2 Huruf-huruf bib di bawah hendaklah tertera di bahagian hadapan dan belakang pemain iaitu :

- GS Penjaring Gol (Goal Shooter)
- GA Penyerang Gol (Goal Attack)
- WA Penyerang Sayap (Wing Attack)
- C Pemain Tengah (Centre)
- WD Pertahanan Sayap (Wing Defend)
- GD Pertahanan Gol (Goal Defend)

3.3 Setiap pasukan WAJIB menyediakan 2 set bib berlainan warna.

3.4 Pasukan hendaklah memakai pakaian seragam sepanjang perlawanan berlangsung (contoh: seluar panjang, skirt, suit, dan lain- lain).



Keshamanan BOLA SEPAK & BOLA JARING BAWAH 12 TAHUN



PIALA YB ONN ABU BAKAR
PARLIMEN BATU PAHAT

PERINGKAT
KERANGSAAN

2025

22 NOVEMBER 2025

SABTU

8.00 AM - 6.00 PM

SK TEMENGGONG IBRAHIM PENGGARAM,
BATU PAHAT





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Jalan Tun Abdul Razak

80604 Johor Bahru

Johor Darul Ta'zim

Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000

Pengarah : 07-231 0198

Timbalan : 07-231 0191

Faks : 07-234 7132

Laman Web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>

e-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Telefon : 07-2311480/81/82 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ.600-3/3/10 Jld. 2 (47)

Tarikh : 04 September 2025

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat

Jalan Zaharah

83000 Batu Pahat

Johor Darul Ta'zim

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM KEJOHANAN BOLA SEPAK DAN BOLA JARING BAWAH 12 TAHUN PIALA YB ONN ABU BAKAR AHLI PARLIMEN BATU PAHAT TAHUN 2025 ANJURAN SK TEMENGGUNG IBRAHIM PENGGARAM, BATU PAHAT

Dengan segala hormatnya dimaklumkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor sentiasa mengalu-alukan inisiatif semua pihak termasuk agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum dan sukan di negeri ini.

2. Bersama-sama ini dilampirkan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) KPM.600-5/6/2 Jld.28 (10) bertarikh 4 September 2025 dengan sendirinya ada menerangkan maksud untuk makluman dan tindakan pihak penganjur.

3. Penganjur diminta untuk mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan pada para 4.1 hingga 4.18 dalam surat BSKK, KPM yang dilampirkan. Laporan program bagi tujuan pengiktirafan markah kokurikulum perlu dihantar ke BSKK, KPM dalam tempoh 30 hari selepas tamat program melalui Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

4. Oleh yang demikian, jasa baik dan pertimbangan pihak tuan dipohon untuk memaklumkan perkara ini dan memberi bimbingan yang sewajarnya kepada sekolah yang terlibat. Bagi tujuan hebahan ke Jabatan Pendidikan Negeri yang terlibat, pihak penganjur diminta untuk mengemukakan maklumat kejohanan/program yang lengkap dan poster program yang terkini kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor.

5. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan **Encik Isfandi Adi bin Ahmad**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2311481** atau menerusi e-mel isfandi.ahmad@moe.gov.my.


**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BAGI
PROGRAM KEJOHANAN BOLA SEPAK DAN BOLA JARING BAWAH 12 TAHUN
PIALA YB ONN ABU BAKAR AHLI PARLIMEN BATU PAHAT TAHUN 2025
ANJURAN SK TEMENGGUNG IBRAHIM PENGGARAM, BATU PAHAT**

Kerjasama tuan memberi keutamaan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amarah,


(**HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG**)

Timbalan Pengarah
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k. : 1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : JPNJ.600-3/3/10 Jld.2 (37)

Ruj. Kami : KPM.600-5/6/2 Jld.28 (10)

Tarikh : 4 September 2025

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN KEJOHANAN BOLA SEPAK
DAN BOLA JARING BAWAH 12 TAHUN PIALA YB ONN ABU BAKAR PARLIMEN
BATU PAHAT TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan daripada pihak tuan bertarikh 20 Ogos 2025 serta daripada SK Temenggong Ibrahim Penggaram dengan nombor rujukan SKTIP.600-3/5/6 yang diterima pada 3 September 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu kami dalam membangunkan aktiviti sukan di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Kejohanan Bola Sepak dan Bola Jaring Bawah 12 Tahun Piala YB Onn Abu Bakar Parlimen Batu Pahat Tahun 2025** bertempat di **SK Temenggong Ibrahim Penggaram, Johor** pada **22 November 2025 (Sabtu)**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi:

- 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 7/1988: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 SPI Bilangan 8/1995: Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan atau Badan Bukan Induk;
- 3.3 SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;

.../2-

- 3.4 Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan;
 - 3.5 SPI Bil.9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Mulai Tahun 2023; dan
 - 3.6 Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar.
4. Selaras dengan itu, perkara yang perlu dipatuhi oleh penganjur dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:
- 4.1 pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas daripada KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
 - 4.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
 - 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
 - 4.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 4.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
 - 4.6 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
 - 4.7 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
 - 4.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);

- 4.9 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 4.10 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster / gegantung / sijil / hebahan digital** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 4.11 pihak penganjur/pemohon perlu menyediakan kemudahan penyejukan (*cooling facilities*) seperti tempat berlindung (kanopi/payung) ais atau tuala basah serta memastikan murid minum air yang mencukupi sebelum, semasa dan selepas aktiviti dengan menyediakan bekalan air minuman yang mencukupi (merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas KPM.100-1/3/2 Jld.7(3));
- 4.12 pihak penganjur/pemohon perlu memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas dan menangguhkan semua aktiviti luar (outdoor) yang sedang berlangsung sekiranya berlaku peningkatan suhu melebihi 35°C (merujuk Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah KPM Semasa Cuaca Panas KPM.100-1/3/2 Jld.7(3));
- 4.13 penglibatan murid dalam pertandingan/aktiviti sukan, hendaklah merujuk dan mematuhi pelaksanaan **Kod Sukan Selamat** daripada Kementerian Belia dan Sukan;
- 4.14 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan** (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);
- 4.15 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak penganjur perlu mengemukakan **permohonan rasmi berserta satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Pengarah BSKK**, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;

- 4.16 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.17 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 4.18 KPM berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

5. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **SK Temenggong Ibrahim Penggaram, Johor** yang akan menganjurkan **Kejohanan Bola Sepak dan Bola Jaring Bawah 12 Tahun Piala YB Onn Abu Bakar Parlimen Batu Pahat Tahun 2025** bertempat di **SK Temenggong Ibrahim Penggaram, Johor** pada **22 November 2025 (Sabtu)**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.

6. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Samsyul Hisyam bin Abdul Manap** di talian **03-88841029** atau e-mel **samsyul@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

samsyul/maklumbalasprogram/desktop

LAMPIRAN A

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
2.0 Tarikh Pelaksanaan:
3.0 Tempat:
4.0 Mod Pelaksanaan:
5.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

- 6.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
7.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (****Jika berkaitan*)
8.0 Tetamu Kehormat (VIP): (****Jika berkaitan*)
9.0 Pemenang: (****Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 10.0 Isu dan cabaran:
11.0 Cadangan penambahbaikan:
12.0 Gambar:

Disediakan Oleh:

Tarikh:

LAMPIRAN B

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami :
Tarikh :

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan
Aras 1,2 & 7, Blok 13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Samsyul Hisyam bin Abdul Manap)

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM
ANJURAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan,
Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan:
_____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak _____
mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon
berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum
seperti yang dinyatakan pada para 4.1 hingga 4.18 dalam surat Maklum Balas
Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam _____
pada _____.

3. Pihak _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan
program** yang dijalankan kepada BSKEK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat
program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi
_____ di talian _____ atau emel _____

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(Nama)
Jawatan